

17 kawasan di Selangor dijangka banjir pada 16 Oktober depan

SHAH ALAM – Sebanyak 17 kawasan di lima daerah di Selangor berisiko dilanda banjir berikutan fenomena air laut pasang besar yang diramal berlaku pada 16 hingga 19 Oktober ini.

Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Kolonel Ahmad Afandi Mohamad berkata, jangkaan banjir itu ekoran kenaikan paras air laut yang diramalkan akan meningkat setinggi 5.7 meter di kawasan pesisir pantai Selangor dalam tempoh berkenaan.

Menurutnya, kawasan berisiko akan dilanda banjir akibat fenomena itu ialah di daerah Klang melibatkan kawasan meli-

puti kawasan Sungai Serdang, Bandar Klang, Taman Melawis, Kampung Tok Muda, Pandamaran, Taman Selat Damai, Kampung Sungai Pinang, Kampung Sungai Lima dan Pulau Ketam.

Bagi daerah Sabak Bernam, katanya, kawasan yang berisiko melibatkan Kampung Sungai Air Tawar dan Sungai Tengar; Kuala Selangor (Pasir Penambang, Bagan Pasir dan Pantai Remis); Sepang (pesisir Pantai Bagan Lalang) manakala daerah Kuala Langat meliputi kawasan Pantai Kelanang dan Pesisir Pantai Tanjung Sepat.

“Bagi tempoh tersebut juga, risiko berlaku banjir akan mening-

kat ekoran hujan dijangka lebat serta keadaan angin kencang bakal berlaku,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, beliau memengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri di Bangunan Setiausaha Kerajaan yang turut dihadiri Ketua Unit Pengurusan Bencana Selangor, Ahmaf Fairuz Mohd. Yusof.

Pada kejadian fenomena air pasang besar yang berlaku di Selangor pada bulan lalu, sebanyak 52 keluarga melibatkan 221 mangsa dipindahkan ke pusat penempatan sementara di negeri ini.



PENDUDUK di 17 kawasan berisiko banjir dinasihatkan berpindah awal mulai 15 Oktober depan ekoran fenomena air pasang besar. – Gambar hiasan